

NO. SOALAN : 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM

TARIKH : 17 MAC 2016

RUJUKAN : 8610

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa pendaftaran pekerja-pekerja asing tanpa izin yang bermula pada 14 Februari 2016 tidak boleh dibuat terus kepada Jabatan Imigresen tetapi mesti melalui orang tengah iaitu 2 syarikat yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan yang mengenakan caj pendaftaran RM800 dan caj pentadbiran RM400 untuk setiap pekerja.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, berikut masalah PATI yang masih belum selesai serta adanya permintaan oleh pemimpin-pemimpin dari negara sumber terutamanya Indonesia dan Myanmar, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI atau Program *Rehiring* untuk memberi peluang kepada PATI yang bekerja secara haram di Semenanjung Malaysia diberikan permit kerja yang sah bagi memenuhi sektor pekerjaan yang dibenarkan. Selain itu, Program ini turut dirangka untuk memenuhi permintaan majikan untuk mengisi keperluan pekerja di sektor pekerjaan yang dibenarkan sahaja serta membolehkan Kerajaan mengetahui jumlah PATI dalam Negara bagi tujuan pemantauan dan memenuhi keperluan senario keselamatan semasa.

Memandangkan terdapat banyak kes-kes majikan yang ditipu semasa Program 6P, Kementerian melihat pelaksanaan Program akan lebih teratur dengan adanya pemantauan bersama dan jalinan kerjasama antara syarikat-syarikat yang dilantik. Syarikat-syarikat yang dilantik bertanggungjawab membimbing, menasihat dan memastikan Majikan dan PATI melalui proses dan prosedur Program *Rehiring* sebagaimana yang diputuskan oleh Kerajaan.

Syarikat-syarikat yang dilantik juga memainkan peranan membantu Jabatan Imigresen Malaysia dari aspek pengurusan melibatkan pendaftaran, dokumentasi dan penyelarasaran logistik iaitu:

- i. **Mendaftarkan PATI yang layak menyertai Program *Rehiring* berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Setiap pendaftaran perlu dikeluarkan Sijil Perakuan Pendaftaran PATI.**
- ii. **Membantu PATI memperbaharui dokumen perjalanan (pasport) yang telah tamat tempoh di Kedutaan yang berkaitan.**
- iii. **Mengiringi Majikan dan PATI ke Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk tujuan direkod keterangan, pembayaran kompaun dan pas khas.**
- iv. **Mengiringi Majikan ke One Stop Center (OSC), Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk mendapatkan kelulusan kuota untuk menggaji pekerja asing.**
- v. **Menguruskan pendaftaran PATI di FOMEMA bagi pihak Majikan.**

- vi. Menguruskan isu-isu dokumentasi dan pembayaran berkaitan penggajian pekerja asing di Bahagian Pekerja Asing, JIM bagi pihak Majikan.**

- vii. Mendapatkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) di Bahagian Pekerja Asing, JIM bagi pihak Majikan.**

Syarikat-syarikat juga diwajibkan melaksanakan Program *Rehiring* secara atas talian bagi membantu mengelakkan penglibatan orang tengah atau ejen. Tambahan pula, syarikat-syarikat juga memperkenalkan nilai tambah elemen keselamatan seperti pengecaman biometrik dan imej muka ke atas majikan dan PATI dapat mengurangkan unsur-unsur penipuan identiti.

Kementerian melihat pelaksanaan Program *Rehiring* perlu dilaksanakan dengan berhati-hati dan terkawal supaya tidak berlaku kes-kes penipuan oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab yang cuba mengambil peluang untuk mengaut keuntungan daripada PATI terutamanya seperti mana yang berlaku semasa Program 6P dilaksanakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' ABD AZIZ BIN HAJI SHEIKH
FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 17.3.2016

SOALAN : NO. 31

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), kedudukan ranking IPTA dan IPTS negara merupakan antara intipati utama. Apakah pelan jangka pendek dan panjang Kementerian dalam menaikkan ranking IPTA dan IPTS negara ke tahap lebih tinggi. Bagaimanakah Kementerian dapat memastikan IPTA dan IPTS ini dapat kekal bersaing tatkala peruntukan untuk universiti awam tempatan dikurangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) [PPPM(PT)] telah menyatakan bahawa penarafan antarabangsa adalah bermanfaat untuk meningkatkan keterlihatan global universiti tempatan dan meletakkan Malaysia di mata dunia sebagai hab pendidikan antarabangsa.

Universiti Awam (UA) negara terus menunjukkan peningkatan prestasi setiap tahun. Laporan *QS-World University Rankings 2015* yang dikeluarkan pada 15 September 2015 telah menunjukkan terdapat peningkatan prestasi 3 UA bagi penarafan tahun 2015 berbanding dengan

penarafan tahun 2014 iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Buat pertama kalinya UA berjaya di kedudukan 150 universiti terbaik dunia iaitu UM yang berada di kedudukan ke-146 (dari 151).

Selain itu, *QS World University Rankings by Subject* 2015 telah mengumumkan **23** daripada bidang pengajian dipelopori oleh UA berada di dalam lingkungan **200 terbaik dunia dengan 2 bidang berada pada aras 50 terbaik dunia** iaitu USM di kedudukan ke-31 dalam bidang Sains Alam Sekitar (*Environmental Science*) dan UM dalam bidang Pengajian Pembangunan (*Development Studies*) di kedudukan ke-32.

Empat UA juga berjaya berada dalam kedudukan 50 terbaik *QS World University Ranking 2015 Top 50 Under 50* iaitu USM berada di kedudukan 26, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berada di kedudukan 30, diikuti oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di kedudukan 32 manakala UPM di kedudukan 38. Pencapaian ini merupakan satu kebanggaan dan membuktikan bahawa UA berada dalam kelompok universiti terbaik dunia bagi kategori universiti yang berusia bawah 50 tahun.

Baru-baru ini, 3 orang penyelidik dari UA telah berjaya disenaraikan sebagai **Minda Saintifik Paling Berpengaruh Di Dunia bagi tahun 2015** oleh *Thomson Reuters*. Pengiktirafan ini diberikan kepada penyelidik di kalangan ‘top 1%’ daripada 9 juta penyelidik di seluruh dunia yang menghasilkan lebih daripada 2 juta penulisan hasil kajian setiap tahun. Penarafan ini berjaya memposisikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang mempunyai sarjana bertaraf global yang memberikan sumbangan ilmiah berimpak tinggi.

Pelbagai usaha berterusan dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam memperbaiki dan memperkuuhkan ranking UA tempatan. Antaranya ialah menanda aras dengan universiti di negara yang mempunyai pemetaan sosio-ekonomi dan sosio-budaya yang hampir sama tetapi mendapat penarafan yang tinggi di peringkat global seperti universiti di Korea Selatan, Thailand dan Singapura. Selain itu, KPT turut menyerlahkan bidang tujahan dan bidang kecemerlangan di UA agar ia setanding dengan pusat kecemerlangan yang bertaraf antarabangsa, di samping terus-menerus memperkasakan Universiti Penyelidikan melalui pemantapan pembelajaran dan pengajaran, jaringan industri dan komuniti di UA serta aktiviti penyelidikan dan penerbitan yang dapat membantu menjana pendapatan Universiti.

Menjelang tahun 2025, KPT menyasarkan sebuah universiti berada dalam *Asia's Top 25*, dua universiti dalam *Global Top 100* dan empat universiti dalam *Global Top 200*.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 17 MAC 2016 (KHAMIS)

SOALAN : 32

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini rancangan atau dasar Kerajaan bagi menyelesaikan masalah ketidakseimbangan harga barang antara Timur dan Barat Malaysia yang disebabkan oleh kos pengangkutan yang tinggi seperti Dasar Kaboutaj. Apa lagi usaha Kerajaan di bawah Kementerian Pengangkutan dalam menyeragamkan harga seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Kaboutaj bukanlah faktor utama yang menyumbang kepada ketidakseimbangan harga barang antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia. Perkara ini telah disokong oleh Kajian Kos Sara Hidup di Sabah, Sarawak dan Labuan yang telah dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi. Kajian tersebut mendapati bahawa kos perkapalan hanya menyumbang 6 – 8% daripada kos keseluruhan sesuatu produk. Caj kendalian kargo yang tinggi di pelabuhan Sabah, Sarawak dan Labuan turut menyumbang kepada harga barang yang mahal. Walau bagaimanapun, dalam usaha untuk meringankan beban pengeluar dan peniaga di SSL, Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan dan Kementerian-Kementerian lain telah dan akan mengambil beberapa langkah proaktif dalam memastikan harga barang dapat diseimbangkan dan sekaligus mengurangkan kos sara hidup rakyat. Dalam hal ini, Kementerian Pengangkutan telah meliberalisasikan Dasar Kaboutaj bagi kapal kontena yang berasal dari Sarawak ke Pelabuhan Tanjung Pelepas serta Pelabuhan Kelang dan sebaliknya. Liberalisasi ini membolehkan kapal asing untuk membawa kargo dalam sektor tanpa keperluan untuk mendapatkan lesen perkapalan dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

Kadar Cukai Jalan kenderaan komersil di Sabah didapati lebih tinggi berbanding kadar di Semenanjung manakala jumlah Berat Dengan Muatan yang dibenarkan bagi sesebuah lori di Sabah adalah lebih rendah berbanding Semenanjung. Sehubungan itu, Kementerian

Pengangkutan sedang mengkaji cadangan untuk menyeragamkan kadar cukai jalan dan juga berat dengan muatan di Sabah dengan Semenanjung.

Selain itu, di bawah pelaksanaan Bajet 2016, Kerajaan telah bersetuju supaya perkhidmatan pengangkutan penumpang udara domestik kelas ekonomi bagi laluan Rural Air Services di Sabah, Sarawak dan Labuan dikecualikan daripada GST bertujuan meringankan kos hidup rakyat terutamanya mereka yang menggunakan perkhidmatan ini.